

# Menjawab Kritikan Terhadap Kitab *Ihyā' Ulum al-Dīn*<sup>1</sup>

Oleh

**Dr. Nik Roskiman Abdul Samad<sup>2</sup>**

## **Pendahuluan**

Kitab *Ihyā' Ulūm al-Dīn* karangan Hujjatul Islam Imām al-Ghazālī (w.505H/1111M) merupakan sebuah kitab yang sangat terkenal di seluruh dunia dan dikatakan antara kitab yang paling banyak dipelajari oleh umat Islam. Bahkan hingga ke hari ini, kajian-kajian pada peringkat Sarjana mahupun Ijazah Doktor Falsafah (PhD) terhadap kitab ini daripada pelbagai aspek terus dibuat di universiti-universiti dalam dan luar negeri. Walaubagaimanapun, kitab ini tidak sunyi dari kritikan para ulama samada di zaman Imām al-Ghazālī sendiri, mahupun di zaman selepasnya dan mutakhir ini. Kertas ini merupakan kajian awal untuk meneliti kritikan-kritikan yang dilemparkan terhadap kitab *Ihyā'* dan seterusnya memberi respons sejauh mana kritikan tersebut berasas dan benar atau sebaliknya. Kritikan mahupun respons telah banyak dibuat sebelum ini dan kertas ini sekadar menyaring dan menyusun kembali kritikan dan respons-respons tersebut. Kritikan-kritikan yang banyak dihalakan terhadap kitab *Ihyā'* lebih menjurus kepada penggunaan hadith-hadith yang dikatakan Ḥadith Palsu (*Mawḍū'*) dan Ḥadith Lemah (*Da'if*) dan kertas perbincangan ringkas ini hanya cuba memfokuskan terhadap isu tersebut.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Kertas Kerja ringkas ini merupakan deraf awal dibentangkan dalam program Seminar Tokoh Ulama': Imam al-Ghazali, pada 13 November 2018, Dewan Utama Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur Kuantan.

<sup>2</sup> Fellow Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia. Beliau boleh dihubungi melalui e-mel [roskiman@ikim.gov.my](mailto:roskiman@ikim.gov.my).

<sup>3</sup> Antara yang agak menyeluruh kritikkannya ialah kitab yang dikarang oleh 'Abd al-Raḥman bin Muḥammad Sa'īd Dimashqīyah, *Waqafāt ma'a Ihyā' Ulūm al-Dīn lil-ghazālī*. Dalam kitab itu disenaraikan pelbagai yang didakwa beliau kesalahan Imām al-Ghazālī termasuk seperti pencetus ajaran Sufi, isu khalwah (uzlah), takwil, ilmu kalam dan falsafah, membawakan kisah-kisah Sufi yang didakwa batil, nyanyian, mengutamakan zikir melebihi majlis ilmu, dan lain-lain. Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī juga turut menyinggung kritikan terhadap Imām al-Ghazālī RA dalam bukunya *al-Imām al-Ghazālī bayna Mādīhihi wa Nāqidihi*

## 2. Kedudukan Imam al-Ghazālī

Kedudukan Imam al-Ghazālī diakui dan dipuji oleh ramai para alim ulama samada sezaman dengan beliau atau selepasnya dengan gelaran-gelaran seperti “Hujjat al-Islām”, “Permata Agama”, “Mujtahid Mutlaq”, “Al-Siḍīq Yang Agung”, Mujaddid Kurun Kelima” dan pelbagai lagi gelaran lain memuji kehebatan keilmuan beliau yang tinggi. Imam Ṣaḥāb al-Dīn al-Safadī (w.764/1362) mengatakan bahawa Imam al-Ghazālī RA dikatakan seorang ulama yang tinggi keilmuan di zamannya hingga tiada yang mampu menandinginya.<sup>4</sup>

## 3. Kritikan terhadap kitab *Ihyā'*

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, antara ulama-ulama' yang mengkritik *Ihyā'* lebih tertumpu kepada status hadith yang dimuatkan dalamnya yang dikatakan terkandung hadith-hadith Palsu (*Mawḍū'*) dan Lemah (*Da'if*). Antara mereka yang mengkritik ialah seperti Abū 'Abd Allāh al-Māzarī al-Mālikī (w.536/1141)<sup>5</sup>, Abū Bakr Muḥammad ibn al-Walīd al-Turtūshī (w.520/1126),<sup>6</sup> Ibn al-Jawzī (w.597/1200),<sup>7</sup> Ibn Taymiyyah (w.728/1328)<sup>8</sup>, al-Dhahabī (749/1348),<sup>9</sup> dan Ibn Kathīr (w.774/1373)<sup>10</sup>.

---

<sup>4</sup> Untuk senarai ulama yang memuji beliau, rujuk Ṣaḥāb al-Dīn al-Safadī (w.764/1362) dalam kitabnya *al-Wafī bi al-Wafāyāt* yang memuatkan 14,000 tokoh-tokoh terbilang termasuk al-Ghazālī; al-Dhahabī (749/1348) *Siyar 'Alam al-Nubalā'*, (19/322-346), terkandung juga sedikit kritikan di situ pada halaman 339.

<sup>5</sup> Dalam kitabnya *al-Kashf wa-Inbā' 'an Kitāb al-Ihyā'* beliau secara tidak cermat menuduh sebagai besar hadith dalam *Ihyā'* bersifat sangat lemah (*Wāhīn*). Namun tuduhan al-Māzarī ini dijawab oleh Imam Ibn al-Subkī dalam kitab *Ṭabaqāt al-Shafi'iyah al-Kubra* (6:244-,249,252) dan mendakwa bahawa al-Māzarī sebagai seorang kuat Asha'arī dan bermazhab Malikī agak berat sebelah terhadap Imām al-Ghazālī (dan Imām Juwaynī) kerana mereka ada mempunyai beberapa pandangan berbeza sedikit daripada Abū al-Ḥasan al-Ash'arī, dan mereka juga cenderung untuk melemahkan pandangan Imām Mālik dalam sesetengah hal.

<sup>6</sup> Dalam risalahnya kepada Ibn Zāfir, beliau menuduh *Ihyā'* penuh dengan hadith palsu.

<sup>7</sup> Kritikan beliau terhadap *Ihyā'* boleh ditemui dalam kitab-kitabnya seperti *Plām al-Ahyā' bi Aghlāt al-Ihyā'*, *Talbīs Iblīs*, *al-Muntazam fī Tēkh al-Mulūk wal-Umam*, dan *al-Quṣṣas al-Mudhakkirin*

<sup>8</sup> *Dār al-Ta'arud al-'Aql wa al-Naql*, (7/149).

<sup>9</sup> Dalam kitabnya *al-Mīzan*, (1:430 § 1606), *Siyar al-Nubalā'*.

<sup>10</sup> *Bidāyah wa al-Nihāyah* (12/186).

#### 4. Kedudukan Kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*

1. Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w.607/1210) menyebut “ia seolah Allah SWT mengumpulkan semua ilmu-ilmu dalam satu bumbung dan menunjukkannya kepada al-Ghazali”
2. Imam Nawawī (w.676/1277) menyebut “*jika takdirnya kitab-kitab Islam hilang dan yang tinggal hanyalah Ihyā' 'Ulūm al-Dīn, ianya memadai untuk menampung yang hilang (dan membimbing manusia)*”.
3. Ibn al-Subkī (w.728/1328): “Ia (*Ihyā'*) termasuk dalam buku-buku yang umat Islam mesti menjaga dan menyebarkannya seluas mungkin agar seramai mungkin manusia terbimbing dan mendapat manfaat darinya. Kerap kali mereka yang membaca buku ini akan terbangkit keinsafan dirinya dan dengan segera berterima kasih terhadap buku ini. Moga Allah SWT menganugerahi kita petunjuk dan menunjukkan kepada kita kebenaran, dan menyelamatkan kita daripada apa yang menghalang antara kita dan kebenaran.<sup>11</sup>”
4. Mullā ‘Alī al-Qārī (w.1014/1605) dalam *Sharḥ ‘Ayn al-‘Ilm wa Zayn al-Hilm* pada versi ringkasannya menyebut:

“Aku menulis komentar pada buku ringkasan terhadap *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* karangan Hujjat al-Islam ini dengan harapan akan mendapat limpahan keberkatan daripada kalimah-kalimah suci daripada Orang Yang Mengenal Allah (*‘arif billāh*) dan mendapat manfaat hadiah yang menitis daripada halaman-halaman para Sheikh dan Wali, moga-moga dengan itu aku disebut di kalangan mereka dan dibangkitkan bersama mereka, walaupun aku lemah dalam mengikut jejak langkah mereka dan khidmat terhadap mereka. Aku mengharapkin cintaku terhadap mereka memadai dan mencukupi untuk mereka”.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> *Ṭabaqāt al-Shafi‘īyyah al-Kubra* (6:253)

<sup>12</sup> Al-Qārī, *Sharḥ ‘Ayn al-‘Ilm* (1:1)

5. Disebabkan kepentingan kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, dan di sebalik kelemahan-kelemahan yang ada, para ulama mengambil usaha untuk berkhidmat menambahbaik kitab tersebut samada dari segi (i) mensyarahkan kembali dengan lebih mendalam dan terperinci lagi, dan/atau (ii) menyaring dan memberi komentar terhadap status-status hadith yang disebutkan oleh Imām al-Ghazālī RA yang mungkin beliau terlepas pandang atau melakukan kesilapan. Antara mereka seperti:

- a. Zayn al-Dīn al-Irāqī (w.806H) dalam *Ikhbār al-Ahyā' bi Akhbār al-Ihyā'* dalam empat jilid di mana beliau memandang tinggi terhadap Imam al-Ghazali dalam penulisannya. Ketika berusia sekitar 20-an, beliau turut pernah mengumpulkan riwayat-riwayat dalam *Ihyā'* dan meringkaskannya dan dinamakan "*al-Kashf al-mubīn an Takhrij Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan kemudian sekali lagi meringkaskannya dalam bentuk lebih kecil dan dinamakan *al-Mughnī 'an Ḥaml al-Asfār*.
- b. Ibn Ḥajar al-Asqalānī (w.852H), pelajar al-Irāqī dalam kitabnya *al-Istidrāk 'ala Takhrij Ahādith al-Ihyā'*
- c. Al-Qāsim ibn Quṭlūbaghā al-Ḥanafī dengan kitabnya *Tuhfat al-Ahyā' fī mā Fāta min Takhrij Ahādith al-Ihyā'*.
- d. Sayyid Murtaḍā al-Zabīdī al-Ḥusaynī (w.1205H): *Ithāf al-Sādat al-Muttaqīn fī Sharḥ Asrār Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* sebanyak 10 jilid, masing-masing melengkap dan menyempurnakan lagi penulisan ulama sebelum mereka berhubung *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*.
- e. Mullā 'Alī al-Qārī: *Sharḥ 'Ayn al-Ilm wa-Ḥayn al-Hilm*.
- f. 'Abd al-Qādir ibn 'Abd Allāh al-Aydarūs Bā 'Alawī: *Ta'rif al-Ahyā' bi Fadā'il al-Ihyā'*

Sekiranya kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* itu tidak bermanfaat, merbahaya sepertimana yang dituduh oleh sesetengah mereka yang anti *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* dan anti tasawuf dan Sufi, nescaya para ulama' tidak akan membuang masa mengarang Syarahan yang berjilid-jilid, atau menerjemahkan ke pelbagai bahasa-bahasa lain.

## 6. **Imām al-Ghazālī dan Ilmu Hadith**

Imām al-Ghazālī RA sering digambarkan oleh golongan yang anti Sufi bahawa kononnya di akhir hayat beliau, Imām al-Ghazālī RA telah bertaubat lalu meninggalkan ajaran tasawuf dan mula untuk kembali kepada ajaran ahlul Ḥadith sehingga dikatakan ketika beliau meninggal dunia, bersama dengan beliau ialah kitāb Saḥiḥ al-Bukhārī di atas dadanya. Adailah kisah ini benar sekalipun ia tidak samasekali menjadi hujah apa-apa. Adakah sekiranya seseorang itu meninggal dengan al-Qur'an di atas dadanya, maka beliau dikira seolah baru pertama kali membaca al-Qur'an?

Walaupun Imām al-Ghazālī RA sendiri mengakui beliau tidak alim dalam ilmu Ḥadith,<sup>13</sup> itu bukanlah bermakna beliau jahil langsung tentang ilmu tersebut kerana jika tidak nescaya beliau tidak akan mampu mengarang kitab Usul seperti *al-Mustasfā min 'Ilm al-Uṣūl*. Dalam *al-Mustasfā* beliau juga menyebut tentang Ḥadith, kaedah-kaedah periwayatannya, dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya. Imām Nawawī sendiri turut merujuk kepada Imām al-Ghazālī ketika membahaskan tentang hal berkaitan hadith.<sup>14</sup> Mampukah seorang yang jahil Ḥadith menulis sedemikian, dan menjadi mujtahid pula? Beliau mungkin bermaksud tidak menghasilkan kitab-kitab ḥadith seperti Imam al-Bukhārī dan lain-lain imam-imam hadith kerana beliau menumpukan kepada bidang-bidang lain. Kehebatan beliau terserlah dalam ilmu-ilmu selain ilmu Ḥadith seperti *Uṣūl*, *Tasawwuf*, *Falsafah*, *Fikah* dan lain-lain, tetapi bukanlah bermakna beliau tidak mendalami ilmu Ḥadith. Ibn Asakir menyebut Imām al-Ghazālī RA pernah belajar Saḥiḥ al-Bukhārī dari Imam Abu Sahl Muhammad ibn Ahmad al-Hafsi. Manakala guru-guru hadithnya yang lain seperti Imam Nasir ibn 'Ali ibn Ahmad al-Hakimi al-Tūsī, pakar hadith Imam Abu al-Fityan Umar ibn Abi al-Hasan al-Ru'asi al-Dahistani dan ramai lagi. Adakah setelah begitu lama pengajiannya beliau tentang hadith,

---

<sup>13</sup> Ibn al-Subkī turut menyebut bahawa Imam al-Ghazālī RA tidak cemerlang dalam bidang Ḥadith, lihat *Ṭabaqāt al-Shafi'īyyah al-Kubrā* (6:287-389); Ṣāliḥ Aḥmad al-Shāmī, *al-Imām al-Ghazālī Hujjat al-Islām wa Mujaddid al-Mī'ah al-Khamisah*, 167.

<sup>14</sup> Imām Nawawī, *al-Majmū'*, (1/99)

beliau tidak menemui hadith “*Barangsiapa yang berdusta atas namaku dengan sengaja, maka siaplah tempatnya di dalam Neraka*”<sup>15</sup> lalu masih memasukkannya dalam *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*?

## 7. Metode Penulisan *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*

1. *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* merupakan sebuah kitāb tasawuf, *tazkiyah al-nafs*, penyucian jiwa, akhlak, dan disebut kitab yang bersifat ‘menggalakkan berbuat kebaikan dan menggerunkan berbuat kejahatan’ (*al-targhīb wa al-tarhīb*). Hampir kesemua kitab-kitab yang sifatnya sedemikian terkandung hadith-hadith yang Lemah (Ḍa‘if) bahkan ada juga (mungkin tanpa disedari oleh pengarangnya) terselit hadith-hadith Palsu (Mawḍu’).<sup>16</sup> Ibn Jawzī yang begitu kuat mengecam Imām al-Ghazālī kerana dituduhnya memasukkan hadith-hadith Palsu dalam *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, sedangkan beliau sendiri turut memasukkan hadith-hadith yang dinilai Palsu oleh para ulama’ Hadith dalam kitab-kitabnya sepertimana dinukilkan oleh al-Sakhāwī dalam *Sharḥ al-Alfiyyah* dengan menyebut “Ibn al-Jawzī memasukkan hadith-hadith Palsu dengan banyaknya dalam kitab-kitab beliau yang bersifat *al-targhīb wa al-tarhīb*”<sup>17</sup> Kita bukan bermaksud mengatakan boleh mengguna hadith-hadith Palsu, cuma kadangkala pengarang sendiri menilai hadith-hadith tersebut bukan bersifat Hadith Palsu kerana seandainya Hadith Palsu, sudah pasti mereka tidak memasukkannya ke dalam kitab tersebut. Oleh itu, ada sedikit sahaja dalam *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, sepertimana ungkapan Ibn al-Subkī hadith-hadith yang bersifat *shādhah* sedangkan sebahagian besar hadith-hadith dalam *Ihyā’* masih boleh diterima dan untuk menyalahkan Imam al-Ghazālī adalah tidak adil.<sup>18</sup>

---

<sup>15</sup> HR al-Bukhārī: No. 110

<sup>16</sup> *Qūt al-Qulūb* oleh Abū Ṭalīb al-Makki; Sheikh Abdul Qadir al-Jilānī dalam *al-Ghunyah li thalīb Thariq al-Haq*

<sup>17</sup> ‘Abd al-Fattāh Abū Ghuddah, sepertimana disebut oleh al-Lacknawī dalam *al-Raf’ wal-Takmil*, 420-421.

<sup>18</sup> *Ṭabaqāt al-Shafi’iyyah al-Kubra* (6:244-,249,252)

2. Jika diperhatikan cara penulisan kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Imām al-Ghazālī RA terlebih dahulu mendatangkan ayat-ayat al-Qur'ān, dan kemudiannya hadith-hadith yang kuat samada Ṣaḥīḥ atau Ḥasan, dan kemudian barulah hadith-hadith yang kurang kuat dan di sini termasuklah hadith-hadith yang Lemah, dan ada kemungkinan juga Imām al-Ghazālī tanpa menyedari dan mengetahui status hadith tersebut, memasukkan hadith-hadith yang kemudiannya dinilai oleh ulama hadith sebagai Hadith Palsu. Selepas hadith-hadith, maka Ibn Arabī memasukkan ungkapan-ungkapan para ulama, ahli Sufi dan kisah-kisah mereka pula. Oleh kerana itu sesetengah ulama' menyarankan apabila membaca *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, hendaklah menggunakan naskhah yang telah disunting dan ditakhrijkan hadith oleh al-Irāqī.<sup>19</sup>
  
3. Dalam hal 'menggalkan berbuat kebaikan dan menggerunkan berbuat kejahatan' (*al-targhīb wa al-tarhīb*), para ulama sepertimana dinukilkan daripada Imām al-Safadī tidak mengenakan syarat yang ketat dan boleh menerima hadith-hadith Lemah (Da'if) dengan syarat-syaratnya selama mana tidak terlalu lemah, tidak sepertimana halnya dalam perkara 'Aqidah dan Hukum-Hakam di mana hanya hadith-hadith Ṣaḥīḥ dan Ḥasan sahaja diterima.<sup>20</sup>
  
4. Mengikut Imām al-Zabīdī lagi, kaedah Imām al-Ghazālī RA memetik hadith-hadith dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* ialah dalam bentuk "lafaz umum hadith" atau "maksud hadith" tersebut sahaja dan bukan matan hadith dalam bentuk lafaz yang tepat perkataan demi perkataan (*riwayāh bil al-fāz*), tetapi makna saja (*riwāyah bil ma'nā*). Kaedah ini dibenarkan selama mana ia tidak membawa makna yang jauh daripada makna sebenar dan maksudnya tidak bertentangan dengan Syarak. Ini dilakukan oleh para Salaf al-Ṣāliḥ sejak zaman sahabat lagi seperti 'Alī, Ibn Abbās, Anas ibn Malik, Abū

<sup>19</sup> Muḥammad Abū Shaybah, *Al-Waṣīṭ fi 'Ulūm wa al-Muṣṭalah al-Ḥadīth*, 254.

<sup>20</sup> Al-Ḥākim, *al-Madḥkāl li-ʿIlm al-Ḥadīth* (Pengenalan), Al-Bayhaqī, *Dalā'il al-Nubuwwah* (Pengenalan), al-Nawawī, *al-Tibyan fi Adab Hamalat al-Qur'an*, 17.

Dardā', Abū Hurayrah dan lain-lain.<sup>21</sup> Justeru kerana itu tidak ditemui sesetengah hadith-hadith sepertimana lafaz yang dicatatkan oleh Imām al-Ghazālī.

5. Ilmu menilai status hadith atau disebut ilmu *Rijal al-Hadith* dan *Jarh wa Ta'dil* bukanlah ilmu yang bersifat *qat'ie* di mana setiap penilai mempunyai pandangan yang sama terhadap seseorang perawi. Ianya lebih bersifat *ijtihadiy* bergantung kepada kecenderungan penilai itu sendiri. Oleh kerana itu ada di kalangan penilai hadith yang dikategorikan sebagai terlalu keras, berat dan ketat syaratnya (*mutashaddid*), ada yang pertengahan (*mu'tadil*) dan ada yang terlalu bermudah (*mutasahhil*). Akibat daripada itu, bagi penilai yang keras maka mereka akan mudah untuk melemahkan (*tadh'if*) atau memalsukan sesuatu hadith, manakala yang “terlalu bermudah” pula cenderung untuk mensahihkan sesuatu hadith. Manakala yang *mu'tadil* adalah yang terbaik dan pertengahan. Kebanyakan ulama hadith yang *mu'tadil* menilai hadith-hadith dalam *Ihyā'* sebagai amat berguna secara keseluruhannya untuk dijadikan manual rujukan bagi meningkatkan pembangunan kerohanian seseorang.
6. Tiga perempat hadith-hadith yang dirakamkan dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* adalah berstatus Sahih, hanya seperempat atau di bawah 1000 hadith yang dikategorikan sebagai Ḥadith Lemah (Da 'if), atau tersangat lemah sepertimana yang dinyatakan oleh Ibn al-Subki yang telah menghitung lebih 4,000 hadith kesemuanya dalam *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*. Bahkan ada juga sarjana yang berpandangan sebenarnya tidak wujud pun hadith Palsu dalam kitab tersebut kerana hadith-hadith yang dinilai Palsu oleh al-'Irāqī masih dinilai sekadar Lemah oleh ulama' lain.<sup>22</sup>

---

<sup>21</sup> Al-Khāṭib, *Al-Jāmi' fi Akhlāq al-Rāwī* (2:24, 2:26-28).

<sup>22</sup> Al-Sayyid Muḥammad 'Aqil bin 'Alī al-Mahdalī, *al-Imām al-Ghazālī wa 'Ilm al-Ḥadīth*, 138-139.

## Kesimpulannya

1. Dunia mengakui bahawa Imām al-Ghazālī RA seorang tokoh hebat yang luar biasa, namun kita tidak bermaksud untuk mengatakan beliau maksum kerana beliau bukan seorang Nabi dan oleh itu beliau tidak terlepas daripada melakukan kesilapan. Namun, jika pun ada kesilapan di sana sini, ianya tidak sedikit pun menjejaskan dan melunturkan kemuliaan dan kehebatan beliau dan jasa sumbangan bakti beliau kepada Dunia Islam;
2. Di sebalik segala tohmahan terhadap kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* ini sehingga kini tetap kekal sebagai kitab terulung dan utama dalam merawat penyakit-penyakit rohani dan jiwa dan membersihkan hati dari segala sifat-sifat keji (mazmumah) dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji (maḥmudah). Hampir tiada kitab-kitab akhlak selepas kemunculan *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* yang tidak menjadi *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* sebagai rujukan utama atau asasnya;
3. Akhir sekali, kita tutupi dengan ungkapan terbaik Sheikh al-Imām Taqī al-Dīn al-Subki (w. 756/1355) menyebut terhadap mereka yang mengkritik kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn* dengan membawa misalan yang cukup menarik katanya:

“Aku menganggap mereka (pengkritik *Ihyā*) seperti sekumpulan orang yang kuat berpegang dengan agama yang melihat sendiri kehebatan seorang panglima yang berjuang bermati-matian menentang musuh-musuh Islam, membunuh mereka dan mengucar-ngacirkan barisan mereka sehingga mampu mengalahkan musuh-musuh tersebut. Kemudian, panglima itu keluar dari medan peperangan dengan pada badannya berlumuran percikan darah musuh-musuh itu tadi, lalu pergi membasuh badannya, lalu turut serta bersama kaum Muslimin untuk mendirikan Solat. Namun kumpulan pengkritik yang kuat berpegang kepada ajaran Islam itu merasakan masih ada kesan-kesan darah pada tubuh panglima itu tadi mengritiknya”<sup>23</sup>

\*\*\*

---

<sup>23</sup> *Ṭabaqāt al-Shafi’iyyah al-Kubrā* (6:254)